

# BULETIN @ PSIKOLOGI

## BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

Bil. 6 Tahun 2023

Jun 2023

### **BOOTH PSIKOLOGI DAN RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM AKRAB PKPMP DI MAHKAMAH SESYEN/MAHKAMAH IPOH, PERAK**

**IPOH**, 8 Jun 2023 – Program *Booth* Psikologi dan AKRAB telah diadakan bertempat di Mahkamah Sesyen/ Mahkamah Perak. Objektif program ini adalah untuk :

- Memperkenalkan perkhidmatan psikologi dan kaunseling
- Mempromosikan perkhidmatan psikologi dan peranan AKRAB.
- Memberi pendedahan kepada warga mahkamah berkaitan kaedah terapi yang boleh digunakan dalam intervensi psikologi.
- Memberi ruang kepada warga mahkamah untuk mendapatkan perkhidmatan psikologi/ kaunseling secara bersemuka.

Antara aktiviti- aktiviti menarik yang telah diadakan ialah Sesi Bimbingan AKRAB, *Art Therapy*, Pemeriksaan Tekanan Darah, Ujian Personaliti Melalui Tarikh Lahir, Ujian Personaliti Melalui Warna, Terapi Muzik dan Uji Minda.



# BULETIN @ PSIKOLOGI

## BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

### KURSUS PEMBANGUNAN RAKAN PERKHIDMATAN AWAM (PRA AKRAB) TAHAP 2, PEJABAT KETUA PENDAFTAR, MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA (PKPMP)

**PUTRAJAYA**, Kursus Program Pembangunan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (Pra AKRAB) Tahap 2 telah di adakan pada 13 hingga 15 Jun 2023 bertempat di Dewan Bankuet, Istana Kehakiman, Putrajaya. Pelaksanaan Kursus Pembangunan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (PRA AKRAB) Tahap 2 merupakan salah satu strategi untuk memastikan setiap Warga Kehakiman menghayati sepenuhnya keperluan membudayakan integriti, memantapkan sahsiah diri, melaksanakan tugas dengan beretika dan humanistik. AKRAB merupakan medium perantaraan bagi memberi ruang dan peluang kepada pegawai dan kakitangan agar dapat berfungsi secara efektif dalam **usaha membantu pengurus sumber manusia** dalam pelaksanaan budaya kerja kelas pertama.



Kursus ini telah dikendalikan oleh 3 orang penceramah iaitu Encik Muhammad Faizal Fadly bin Saari dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Encik Mohd Faisal bin Idris dari Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan juga Puan Shamila Banu binti Hisamudin dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Seramai 71 orang peserta kursus telah tamat menghadiri Kursus Program (PRA AKRAB) Tahap 2 selama 3 hari serta telah berjaya melepasi peperiksaan yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi melayakkan mereka untuk ditauliahkan sebagai Ahli Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) tahun 2023.